

IQRA'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

اقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



Bengkel Kepentingan Integriti & Jenayah Rasuah Dalam Kalangan Penjawat Awam

PTAR Cawangan Shah Alam - muka 8



Live@PTDI: The Psychology & Law of Cyberbullying

PTAR Cawangan Johor - muka 15



Program PTDI bersama Pelukis: Art As Therapy

PTAR Cawangan Johor - muka 16



Bengkel Systematic Literature Review: Komunikasi Dalam Matematik

PTAR Cawangan Kelantan - muka 22






100 Days of Reading Challenges Sempena Program UiTM Penang Baca

PTAR Cawangan Pulau Pinang - muka 29



Promosi@PTAR



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan Program Library Outreach@PTAR khas untuk Fakulti Senibina Perancangan Dan Ukur (FSPU), UiTM Shah Alam secara atas talian melalui Webex Meeting. Program Library Outreach@PTAR FSPU telah dimulakan dengan kata alu-aluan oleh Ts. Dr. Emma Marinie Ahmad Zawawi, Timbalan Dekan Akademik FSPU, kata alu-aluan dari wakil PTAR, Puan Adlina Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan, Bahagian Komunikasi Korporat. Program ini telah dihadiri oleh 39 orang peserta termasuk Timbalan Dekan Akademik FSPU, Ts. Dr. Emma Marinie Ahmad Zawawi, Pegawai Perhubungan Perpustakaan Fakulti En. Muhammad Saiful Alizan Nordin. Program ini disusuli dengan Penerangan modul Library Outreach@PTAR oleh penceramah PTAR:

1. Puan Nurul Fariha Sarmin Panut (Pegawai Perhubungan Perpustakaan untuk FSPU)
2. Encik Abdul Razak Abdul Rahman - Pustakawan Kanan
3. Puan Siti Rohayu Mohd Yusof - Pustakawan Kanan
4. Tuan Hj Ahmad Faizar Jaafar - Pustakawan Kanan

Tujuan program ini dianjurkan adalah untuk mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan PTAR di samping mendapatkan maklumbalas daripada pengguna bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan. Terdapat 5 Modul PTAR Intellectual Discourse telah diterangkan oleh penceramah-penceramah tersebut dari Perpustakaan Tun Abdul Razak iaitu:

- 1) Modul LOP 100: Proses Cadangan Pembelian Bahan Perpustakaan menggunakan Sistem WILS via WILS oleh Puan Nurul Fariha Sarmin Panut, Pustakawan Kanan
- 2) Modul LOP 101: Repositori Universiti (Dasar Penyerahan Bahan Harta Intelek UiTM/ Pemilikan Bahan Silibus) oleh: Puan Nurul Fariha Sarmin Panut, Pustakawan Kanan
- 3) Modul LOP 102: Pengurusan Rekod Universiti oleh En. Abdul Razak Abdul Rahman, Pustakawan Kanan
- 4) Modul LOP 103: Sokongan Penyelidikan oleh Puan Siti Rohayu Mohd Yusof, Pustakawan Kanan
- 5) Puan Siti Rohayu Mohd Yusof, Pustakawan Kanan oleh Tn. Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pustakawan Kanan

Antara maklum balas dari program ini adalah penerimaan Peta oleh Jabatan Arkib Universiti, mengadakan Kelas Kemahiran Maklumat untuk pelajar luar negara dan menyediakan video ringkas dalam Bahasa Inggeris tentang Kelas Kemahiran Maklumat untuk capaian pengguna.